


→ PRIHATIN



Warga kerja UMP mengagihkan pek juadah bersahur kepada anggota polis yang bertugas di sekitar ibu kota pada program Singgah Sahur UMP @ KL, semalam.

UMP agih lebih 1,000 pek juadah sahur

→ Singgah Sahur tahun kedua edar nasi bungkus kepada warga kota bertugas malam

**Oleh Mohd Fharkhan
Abdul Ghapar**
bhnews@bh.com

■ Kuala Lumpur

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengagihkan lebih 1,000 pek juadah bersahur kepada orang ramai sekitar bandar raya ini menerusi program Singgah Sahur UMP @ KL, semalam.

Program kali kedua
Program kali kedua yang membabitkan 50 mahasiswa Perwakilan Kolej Kediaman (Peka) 5, Skuad MyGift Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) serta kakitangan pengurusan UMP itu, menyediakan juadah nasi bersama gulai kawah Pahang kepada warga kota yang bertugas malam dan golongan tidak berkecimpungan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program

itu adalah antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat menerusi Inisiatif MyGift yang mengumpul dana sumbangan daripada warga kampus dan alumninya serta pihak luar bagi tabung dan endowmen universiti.

“Tabung Komuniti adalah antara 10 tabung dipperkenalkan UMP, bagi melaksanakan program membantu golongan sasar dengan memberi bantuan keperluan harian seperti tepung, beras, minyak, susu menerusi program ini dan Jejak Asnaf.”

“Sebagai institusi pengajian tinggi awam berteraskan bidang kejuruteraan, teknikal dan teknologi, UMP sentiasa komited untuk membuka ruang kerjasama dengan industri dan syarikat korporat dalam pelbagai lapangan termasuklah bidang kesukarelawanan,” katanya di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Eh-

wal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yusarie Zainuddin; Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyGift, Datuk Mohd Nizar Mohd Najib dan Ketua Pegawai Operasi (Pendaftar) UMP, Abd Hamid Majid.

Antara lokasi agihan, termasuklah di Masjid Negara, Menara Maybank dan Muzium Telekom selain serahan pek bersahur kepada anggota polis di Balai Polis Dang Wangi dan Balai Polis Travers.

Program berkenan juga meraikan penghuni Asrama Darul Falah (ASDAF) dengan menyerahkan sumbangan duit raya MyGift serta majlis bersahur.

Dalam perkembangan lain, UMP turut bekerjasama dengan UDA Holdings Berhad menganjurkan beberapa program sempena Ramadan dengan memberi sumbangan keperluan harian dan baju raya kepada golongan asnaf sekitar Kuantan dan Pekan, Pahang.